

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1 October 2015

1/10
UM - 30/9/2015

Najib hadiri mesyuarat siasatan tragedi MH17 di New York

NEW YORK 30 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman semalam mengadakan mesyuarat tertutup di sini dengan pemimpin negara-negara yang terlibat dalam penyiasatan tragedi pesawat MH17 Penerbangan Malaysia yang ditembak jatuh di Ukraine pada Julai tahun lalu.

Mesyuarat itu diadakan di kediaman Wakil Tetap Belanda ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan dihadiri juga oleh Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte; Presiden Ukraine, Petro Poroshen-

ko dan Perdana Menteri Belgium, Charles Michael. Australia diwakili Menteri Luarnya, Julie Bishop.

Lima negara yang terlibat dalam penyiasatan itu ialah Malaysia, Belgium, Ukraine, Australia dan Belanda.

Ketika ditembak jatuh di Ukraine pada 17 Julai 2014, pesawat itu membawa 298 penumpang dan anak kapal dengan 196 orang daripadanya terdiri daripada rakyat Belanda.

Mesyuarat itu difahamkan membincangkan opsyen-opsyen lain untuk membawa kes tersebut

ke muka pengadilan selepas Rusia menggunakan kuasa vetonya dalam Majlis Keselamatan PBB pada Julai lalu untuk menghalang penubuhan tribunal antarabangsa bagi menyiasat tragedi tersebut.

Pesawat itu dikatakan ditembak oleh puak pemisah Ukraine yang pro-Rusia.

Sementara itu, Perdana Menteri Najib yang dalam rangka lawatan kerja ke PBB semalam juga mengadakan mesyuarat bilateral dengan Perdana Menteri Itali, Matteo Renzi di ibu pejabat PBB di sini.

- UTUSAN